

Headline	Pelajar bersihkan Pulau Carey		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	112,050
Page No	24,25	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	1208 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,875
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,626



PESERTA turut menanam pokok bakau.



PESERTA bergambar sebagai kenang-kenangan selepas membersihkan Pulau Carey.

Pelajar bersihkan Pulau Carey

PENCEMARAN alam sekitar terutama disebabkan oleh produk berasaskan plastik, dikhawatirkan sedang meningkat pada kadar yang amat membimbangkan. Plastik merupakan bahan yang amat sesuai dalam hampir kesemua proses pengeluaran barangan keperluan individu atas sifatnya yang tahan lama dan kos pengeluaran yang rendah. Itu menjadikan kadar penggunaannya sangat tinggi.

Berbeza dengan sifat sisa bahan-bahan bukan organik yang lain, plastik mengambil masa yang terlalu lama untuk terurai secara semula jadi. Bergantung kepada komposisi dan struktur kimianya, ada jenis plastik yang mengambil masa sehingga 400 tahun untuk terurai. Walaupun secara dasarnya plastik boleh dikitar semula, namun apabila dibebani dengan pelbagai kos tambahan seperti pengumpulan dan pembersihan, proses ini tidak menjadi keutamaan industri. Dikatakan hanya sembilan peratus plastik dikitar semula daripada sejumlah 6.3 billion tan plastik yang dihasilkan di seluruh dunia sejak mula diperkenalkan pada 1950-an.

Lebih memburukkan keadaan, setiap tahun dianggarkan sehingga lapan juta tan metrik sisa plastik memasuki sistem perairan dunia dan berakhir di lautan. Pencemaran ini akan menjejaskan fisiologi kehidupan marin yang akhirnya akan dimakan manusia dan mungkin memberi kesan jangka panjang yang belum lagi diketahui.

Aspek pendidikan dilihat mempunyai potensi untuk memberi impak kepada situasi pencemaran alam sekitar. Selain mengambil bahagian dalam aspek pengurusan sisa, isu kelestarian alam



PESERTA diberi peluang mendekati budaya Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey.



MENYIAPKAN tugas berkumpulan untuk dibentangkan dalam ASEP.

sekitar yang berkait juga boleh dijadikan elemen penting dalam membentuk generasi akan datang yang bertanggungjawab. Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Kimia Universiti Malaya (UM) **Dr. Fathiah Mohamed Zuki** berkata, bagi mencapai matlamat tersebut satu program melibatkan pelajar universiti diadakan baru-baru ini bagi memberi pendedahan berkenaan kepentingan membersihkan dan memulihara alam sekitar.

Program tahunan anjuran tiga pihak itu merupakan program antarabangsa Platform Alam Sekitar Pelajar-pelajar Asia

(ASEP). Beliau berkata, ASEP yang diadakan setiap tahun sejak 2012 melibatkan negara-negara Asia dijadikan platform untuk mahasiswa berinteraksi dan menimba pengalaman dalam aspek pengurusan alam sekitar di negara tuan rumah. "Kali ini Malaysia terpilih menjadi tuan rumah dan peserta dibawa ke pelbagai lokasi menarik yang mempunyai nilai pembelajaran yang unik," katanya yang merupakan penyelaras program.

Salah satu aktiviti yang dirancang sempena ASEP kali

ini adalah pembersihan kawasan persisiran pantai Pulau Carey yang terletak tidak jauh dari Pelabuhan Klang.

Mengambil peluang semasa air surut, peserta meluangkan masa mengutip pelbagai jenis sampah yang dihanyutkan ombak dan aliran sungai seperti tayar kenderaan, botol plastik, bekas dan pembalut makanan. Menariknya, mereka turut mengasingkan sampah yang dikutip kepada tiga kategori, iaitu bahan plastik, kaca dan bahan bukan kitar semula.

"Tugasan mengutip dan mengasing sebegini diharap dapat memupuk sikap kerjasama dan menjadi penyelesaian masalah ke dalam diri para peserta. Biar pun dalam kuantiti yang kecil, kutipan sampah yang dilakukan ini mampu menjadi penanda aras kepada impak yang boleh dihasilkan jika lebih ramai individu turut mengambil bahagian. Menjadi salah satu objektif program untuk mengasah bakat kepimpinan mereka sebagai pencinta alam sebaik mereka pulang ke negara masing-masing kelak," katanya.

Menurut Dr. Fathiah lagi, secara tidak langsung ASEP kali ini telah menentanghkan pelbagai isu alam sekitar kepada peserta.

Kata beliau, walaupun tidak semua permasalahan tersebut boleh diselesaikan dengan mudah, namun dengan kesedaran yang betul mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh setiap segmen masyarakat, semua pihak boleh memulakan langkah awal dalam memastikan kelestarian alam sekitar untuk dinikmati generasi akan datang.

Sementara itu seorang



DR. FATHIAH MOHAMED ZUKI



NUR SYUHADA SAIDIN

peserta, **Nur Syuhada Saidin** berkata, pengalaman menjadi peserta ASEP tentunya bakal menjadikan mereka lebih proaktif dan prihatin terhadap alam sekitar.

"Paling menarik apabila berkesempatan berkongsi pengalaman dan budaya dengan komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey. Saya dan rakan-rakan percaya apa jua usaha melestari alam sekitar perlu mengambil kira keperluan semua pihak termasuk

penduduk asal di kawasan terlibat," kata pelajar jurusan sains alam sekitar UM itu.

Selain menyantuni warisan

MEMBERSIHKAN pantai Pulau Carey beramal-ramai.



Headline	Pelajar bersihkan Pulau Carey		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	112,050
Page No	24,25	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	1208 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,875
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,626



PESERTA diberi penerangan mengenai pengurusan hutan hujan tropika.

budaya Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, program turut merangkumi aktiviti-aktiviti lain seperti mendalami pengurusan hutan simpan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.

Mereka juga digalakkan berkongsi perancangan berkaitan pengurusan sisa dan hutan hujan tropika yang bakal dijalankan sekembalinya ke negara masing-masing.

“Penganjur melihat program ini sebagai platform terbaik, bukan sekadar lokasi perkongsian pengalaman, malah sebagai titik sehati untuk generasi muda dari negara-negara Asia bertemu dan membina kerangka inisiatif yang boleh dilakukan untuk masa hadapan.

“Setiap mereka merupakan ejen perubahan masyarakat yang telah dikenal pasti sebagai strategi terbaik dalam mendepani cabaran kelestarian alam semula jadi,” kata Dr. Fathiah.

INFO

Info program ASEP

- Diadakan selama empat hari.
- Melibatkan pelajar sembilan buah negara.
- Anjuran bersama Yayasan Alam Sekitar Aeon Jepun dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaysia (UMCares).
- Melibatkan 72 pelajar dari negara Asia iaitu China, Thailand, Jepun, Vietnam, Korea, Kemboja, Indonesia, Myanmar dan Malaysia.
- Antara pengisian program termasuk:
 - Usaha konservasi hutan paya bakau oleh penduduk tempatan di Taman Rekreasi Paya Bakau, Kampung Sijangkang, Kuala Langat, Selangor.
 - Melihat hasil penyelidikan pakar ekologi dan biodiversiti tempatan di Rimba Ilmu, UM dan keunikan Taman Wetland, Putrajaya.
- Peserta dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada negara yang berbeza dan kemudian membuat pembentangan.
- Maklumat lanjut hubungi azlinmr@um.edu.my.